



29 MAR, 2021

## FAMA Melaka sedia beli hasil pertanian negeri lain, atasi isu lambakan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



**BANTU USAHAWAN:** Ghazal (tiga kiri) dan Rahmad (kanan) ketika melawat Agrobazaar Rakyat sempena Program Jualan MyRakyat di Ayer Molek di Melaka, kelmarin. — Gambar Bernama

### FAMA Melaka sedia beli hasil pertanian negeri lain, atasi isu lambakan

**MELAKA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) Melaka menawarkan khidmat untuk memasarkan lambakan hasil pertanian dari negeri lain bagi memastikan pendapatan usahawan di bawahnya tidak terus terjejas.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhammad berkata, isu lambakan itu dilihat banyak berpunca daripada kekangan pergerakan susulan pelaksanaan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik COVID-19.

“Seperti pada Januari lepas, kita telah membeli nanas Moris di Johor dan dijual semula di pasar tani atau program lain di bawah FAMA dengan harga yang lebih murah kepada pengguna.

“Kita juga dimaklumkan strawberi di Cameron Highlands, Pahang turut berdepan masalah sama disebabkan

kekurangan permintaan daripada beberapa sektor seperti perhotelan. Jadi untuk membantu usahawan ini, kita akan beli dengan pihak peladang untuk dipasarkan di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Jualan MyRakyat yang turut dihadiri Exco Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman. — Bernama



29 MAR, 2021

## FAMA Melaka sedia beli hasil pertanian negeri lain, atasi isu lambakan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MELAKA: Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAM A) Melaka menawarkan khidmat untuk memasarkan lambakan hasil pertanian dari negeri lain bagi memastikan pendapatan usahawan di bawahnya tidak terus terjejas. Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Ghazale Muhamad berkata, isu lambakan itu dilihat banyak berpunca daripada kekangan pergerakan susulan pelaksanaan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik COVID-19.